



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU PERTAMA 2021

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FIRST QUARTER 2021

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU PERTAMA 2021**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAJUK UTAMA:
SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS MENINGKAT PADA SUKU
PERTAMA TAHUN 2021.**

1. Pada suku pertama (Q1) 2021, pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam telah menurun sebanyak 1.4 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 5.3 peratus. Sektor Bukan Minyak & Gas pula mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus.
2. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND4.2 bilion berbanding BND4.6 bilion pada Q1 2020. Sektor Minyak & Gas merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) dengan sumbangan sebanyak 47.0 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 53.0 peratus.



3. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 116.3 ribu tong sehari pada Q1 2020 kepada 114.9 ribu tong sehari pada Q1 2021. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 34.8 juta meter padu sehari pada Q1 2020 kepada 32.6 juta meter padu sehari pada Q1 2021. Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 1,001,466 MMBtu sehari kepada 886,868 MMBtu sehari pada tempoh masa yang sama. Penurunan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh penutupan tidak berjadual di pelantar luar pantai. Sementara itu, penurunan pengeluaran LNG pula adalah disebabkan oleh bekalan gas yang terhad berikutan aktiviti penyelenggaraan yang berjadual dan tidak berjadual.
4. Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, terutamanya aktiviti hiliran, terus menunjukkan peningkatan yang mana pengeluaran produk petroleum dan kimia, telah meningkat dengan nilai tambah kasar (GVA) sebanyak BND337.0 juta pada harga tetap pada Q1 2021 daripada BND294.9 juta pada Q1 2020.
5. Ini diikuti dengan peningkatan dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit selaras dengan peningkatan permintaan domestik berikutan sekatan perjalanan keluar negara yang masih dikuatkuasakan bagi mencegah penularan pandemik COVID-19. Peningkatan subsektor ini adalah juga selaras dengan peningkatan jualan runcit yang didorong terutamanya oleh jualan di Gedung Serbaneka. Subsektor Perkhidmatan Kesihatan juga meningkat berikutan peningkatan dalam aktiviti perkhidmatan kesihatan bagi sektor kerajaan dan sektor swasta.

6. Selain itu, Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga mencatatkan kenaikan sebanyak 21.5 peratus pada Q1 2021 berikutan peningkatan dalam pengeluaran subsektor-subsektor Perikanan dan Ternakan. Peningkatan penghasilan Industri Perikanan adalah disebabkan oleh peningkatan penghasilan dari sektor penangkapan ikan dan akuakultur. Hasil keluaran tangkapan nelayan kecil-kecilan adalah penyumbang terbesar kepada peningkatan penghasilan sektor penangkapan ikan. Manakala, penyumbang utama bagi peningkatan dalam sektor akuakultur adalah daripada peningkatan keluaran melalui subsektor ternakan udang. Sementara itu, peningkatan dalam aktiviti Ternakan adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging kerbau, ayam pedaging dan daging kambing.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan KDNK adalah terutamanya disebabkan penurunan permintaan luar iaitu eksport barangan dan perkhidmatan sebanyak 4.3 peratus tahun-ke-tahun. Permintaan dalam negeri juga mencatatkan penurunan disebabkan penurunan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 9.8 peratus dan penurunan Perbelanjaan Kapital sebanyak 5.7 peratus. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan pada Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 9.6 peratus

KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap:

	Q1 2020	Q1 2021	% Pertumbuhan
Permintaan Dalam Negeri	3,435.9	3,331.5	(3.0)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,241.1	1,119.0	(9.8)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	934.1	1,023.3	9.6
Perbelanjaan Kapital	1,260.7	1,189.2	(5.7)
Permintaan Luar Negeri	3,520.6	3,368.6	(4.3)
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3,520.6	3,368.6	(4.3)
KDNK	4,849.2	4,779.5	(1.4)

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Pertama 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FIRST QUARTER 2021**

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

NON-OIL AND GAS CONTINUES TO GROW IN THE FIRST QUARTER OF 2021.

- 1. In the fourth quarter (Q1) 2021, Brunei Darussalam's GDP growth rate declined by 1.4 per cent year-on-year. This was due to a decrease in the Oil & Gas Sector by 5.3 per cent. The Non-Oil & Gas Sector however recorded an increase of 3.1 per cent.*
- 2. Brunei Darussalam's GDP at current prices was valued at BND4.2 billion compared to BND4.6 billion in Q1 2020. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 47.0 percent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 53.0 percent.*



3. *The decline in the Oil & Gas Sector was mainly due to a decrease in the production of crude oil from 116.3 thousand barrels per day in Q1 2020 to 114.9 thousand barrels per day in Q1 2021. Natural gas production also recorded a decrease from 34.8 million cubic metres per day in Q1 2020 to 32.6 million cubic metres per day in Q1 2021. In addition, LNG production declined from 1,001,466 MMBtu per day to 886,868 MMBtu per day during the same period of time. The reduction in crude oil and natural gas production was due to an unscheduled shutdown in the offshore platform. Meanwhile, the LNG production decline was mainly due to limited gas supply following the scheduled and unscheduled maintenance activities.*

4. *Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, mainly the downstream activities, continued to increase whereby the production of petroleum and chemical products had increased with a GVA of BND337.0 million at constant prices in Q1 2021 from BND294.9 million in Q1 2020.*

5. *This was followed by an increase in the subsector of Wholesale and Retail Trade which was contributed to by an increase in the domestic demand as travel restrictions remain in effect to prevent the spread of COVID-19. The increase in this subsector was also in line with the increase in retail sales driven mainly by the sales of Department Store. The Health Services subsector also increased in line with the increase in both government and private health services activities.*

6. *In addition, the Agriculture, Forestry & Fishery sector also recorded an increase of 21.5 per cent in Q1 2021. This was due to an increase in the production of subsectors such as Fishery and Livestock & Poultry. An increase in Fisheries activities was due to the capture and aquaculture industry. The increase in the capture industry was mainly due to the increase in the production from the small-scale fisherman. Meanwhile, farm prawns were the main contributor to the increase in aquaculture activities. In addition, an increase in livestock & poultry activities was associated with an increase in the production of cattle, broiler, and goat.*
7. *By expenditure approach, negative GDP growth was mainly due to a decrease in the external demand (exports of goods and services) by 4.3 per cent. Domestic demand also recorded a decrease due to decreases in the Government Final Consumption Expenditure by 9.8 percent and Gross Capital Formation by 5.7 percent. However, this growth was moderated by an increase in the Household Final Consumption Expenditure by 9.6 percent.*

GDP by Expenditure at Constant Prices

	Q1 2020	Q1 2021	% Growth
Domestic Demand	3,435.9	3,331.5	(3.0)
Government Final Consumption Expenditure	1,241.1	1,119.0	(9.8)
Household Final Consumption Expenditure	934.1	1,023.3	9.6
Gross Capital Formation	1,260.7	1,189.2	(5.7)
External Demand	3,520.6	3,368.6	(4.3)
Exports	3,520.6	3,368.6	(4.3)
GDP	4,849.2	4,779.5	(1.4)

8. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the First Quarter of 2021 is available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*